

10/07/1998

Cyberjaya untuk masa depan negara

DUNIA hari ini sudah memasuki era teknologi informasi dan manusia mesti menyesuaikan diri dengan kehidupan baru menggunakan telekomunikasi dan komputer dalam kebanyakan urusan. Tidak terkecuali Malaysia, kita perlu menguji segala peralatan dan sistem komunikasi teknologi tinggi supaya rakyat benar-benar faham kesan era teknologi ke atas kehidupan manusia sejagat bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan keburukan.

Sehubungan itu, Koridor Raya Multimedia (MSC) dibangunkan khusus untuk kawasan kegiatan berasaskan industri teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi. Ia projek yang dirancang kerajaan kerana menyedari kepentingan negara memiliki industri IT dan telekomunikasi tempatan yang mantap dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, selaras matlamat Wawasan 2020.

Cyberjaya, yang terletak di tengah kawasan pembangunan MSC ini adalah bakal menjadi bandar raya IT paling unik. Ia akan menjadi bandar raya pertama di dunia menggabungkan konsep mesra ekonomi dengan kehidupan berasaskan ilmu. Bersesuaian dengan konsep itu, kita yakin Cyberjaya akan muncul menjadi mercu kepada pencetus pembangunan produk multimedia bertaraf dunia. Justeru itu, keunikannya itu dijangka mampu melahirkan persekitaran kerja harmonis dan yang paling penting akan berupaya menarik pelabur terutama yang terbabit dalam pelbagai kegiatan multimedia. Bersebelahan dengannya ialah Putrajaya yang juga akan menjadi pusat pentadbiran kerajaan. Cyberjaya apabila siap, akan memiliki kemudahan fizikal termasuk rangkaian telekomunikasi dengan keupayaan penghantaran data, perisian IT tercanggih, perkhidmatan multimedia dan kemudahan moden lain. Sehingga ini banyak syarikat asing dan tempatan sudah mendapatkan geran taraf MSC bagi membolehkan mereka memulakan operasi di Cyberjaya yang bakal dihuni 240,000 penduduk termasuk 10,000 pekerja profesional dalam pelbagai cabang IT.

Tidak dinafikan, pelbagai kritikan dilemparkan apabila kerajaan meluluskan cadangan mewujudkan MSC dan penubuhan bandar raya Cyberjaya. Bagi pengkritik, mereka melihat Cyberjaya adalah projek yang membazir dan bukannya pusat kepada mempromosi IT di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya bagi memperkukuhkan perkembangan teknologi sejagat. Apatah lagi projek itu ketika dilancarkan, kedudukan ekonomi negara kukuh tetapi kini menghadapi zaman kegawatan. Sehubungan itu, ada yang beranggapan, dalam keadaan sekarang, Cyberjaya dan MSC tidak wajar diberikan keutamaan.

Bagi kita, kesediaan kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit bagi menjayakan projek ini, menyerlahkan keinginan kita mencari pengalaman dan mengetahui pengalaman asing yang akhirnya berguna kepada kita rakyat. Di Cyberjaya syarikat antarabangsa dan tempatan dapat berganding mendirikan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) IT serta bidang perniagaan berteknologi tinggi yang akhirnya mampu memberi sumbangan besar kepada sumber pendapatan negara. Melihat betapa pentingnya manfaat IT kepada masa depan negara, kita percaya pelaburan negara dalam bidang ini walaupun besar, perlu diteruskan.

Cyberjaya dan MSC akan menjadi batu loncatan untuk syarikat multimedia tempatan meluaskan perkhidmatan dan produk mereka ke peringkat serantau dan dunia manakala rakyat mendapat sumbangan besar daripadanya.

Sesungguhnya keputusan kerajaan untuk menggunakan sebahagian Dana Pembangunan Prasarana sebanyak RM5 bilion bagi memastikan semua kemudahan asas bagi MSC dan Cyberjaya disediakan mengikut jadual, bertepatan sekali.

Kelmarin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan meluluskan RM600 juta daripada peruntukan itu untuk Cyberjaya. Kita tidak mahu projek mega berfaedah besar ini tergendala hanya disebabkan masalah ekonomi dan kita hanya rela melihatnya terkubur. Jika dibiarkan tergendala pun, akan ada pihak yang menuduh kerajaan tidak komited, tidak bijak mengurus projek dan membiarkan wang yang curahkan pada peringkat awal untuk tujuan itu, menjadi sia-sia saja. Kita tidak harus terperangkap dan dengan pelbagai pandangan tidak membina yang mana akhirnya merugikan rakyat. Bagi kita, bandar raya pintar ini yang bakal beroperasi tetap akan menjadi bahan kritik terutama pembangkang, apatah lagi jika ia dihentikan. Malah, banyak projek nasional sebelum ini yang hebat ditentang tetapi selepas membuahkan hasil, mereka tiada pilihan kecuali terpaksa menutup mulut.

(END)